



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 19 OKTOBER 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4.	MARDI LANCAR 5 PRODUK TINGKATKAN AGROMAKANAN, NASIONAL, SH -28 MARDI LANCAR LIMA PRODUK INOVASI, DALAM NEGERI, UM -12 IMPORT MAKANAN DIJANGKA MENINGKAT RM70b: AHMAD, BISNES, HM -21 KERAJAAN SEDIA TANGANI ISU SEKURITI MAKANAN, NASIONAL, BH -14	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
5. 6.	PASUKAN KHAS JIHAD TANGANI INFLASI MASIH BERFUNGSI, NASIONAL, BH -14 FARMERS WARN OF EGG SHORTAGE, NATION, THE STAR -3	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

MARDI lancar 5 produk tingkatkan agromakanan

SERDANG - Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) melancarkan lima produk inovasi terbaharu yang sedia dikomersialkan dalam usaha memajukan industri agromakanan negara.



Produk yang dilancarkan sempena Hari Inovasi Mardi 2022 pada Selasa ialah Kit diagnostik penyakit padi FlocTest, Formulasi nano-bakterisida XanthoZIDE, Bar Enduran Pembebasan Tenaga Berkala, Kandi Tenaga dan Teknologi Minuman Pemulihan Sukan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, inovasi melalui pendekatan moden dan pertanian pintar merupakan pengubah keadaan utama dalam mentransformasikan sektor agromakanan negara.

Beliau berkata, pendekatan tersebut boleh memacu ekosistem agromakanan negara menjadi lebih mampan dan berdaya tahan sekali gus dapat mengatasi beberapa isu yang menjejaskan rantaian bekalan makanan seperti kenaikan kos bahan makanan ternakan yang dihadapi negara sejak kebelakangan ini.

“Saya berharap inovasi berasaskan sains dan teknologi dapat memberikan faktor 'wow' serta menarik minat golongan muda untuk turut menyumbang dalam agenda pemodenan sektor agromakanan,” katanya pada majlis pelancaran itu di sini pada Selasa.

Ahmad berkata, usaha untuk memperkukuh sekuriti makanan negara merupakan proses berterusan dan memerlukan kerjasama daripada semua pihak dalam menjayakannya.

“Usaha sama dan kolaborasi strategik yang utuh amat diperlukan daripada semua pihak termasuk agensi persekutuan, kerajaan negeri, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan kumpulan barisan hadapan terdiri daripada petani, penternak dan nelayan,

“Menjadi harapan saya ia dapat dimanfaatkan selari dengan matlamat menjamin sekuriti makanan negara dan memastikan Keluarga Malaysia memperoleh bekalan makanan yang mencukupi dan selamat pada harga yang berpatutan,” katanya.

- Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/10/2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	12



AHMAD HAMZAH melawat pameran selepas melancarkan lima penyelidikan MARDI di Serdang semalam.

MARDI lancar lima produk inovasi

PETALING JAYA: Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) semalam melancarkan lima produk inovasi bagi memanfaatkan pertanian dan industri makanan.

Lima produk yang dilancarkan adalah teknologi Floc Test untuk pengesanan penyakit padi, teknologi nano formulasi untuk penyakit padi dan bar pembebasan tenaga berkala atau *slow-release energy bar*.

Selain itu, teknologi baharu itu turut membabitkan produk gula-gula bertenaga tinggi atau *high-energy Candy* dan minuman pemulihan sukan atau *recovery*

sports drink.

Menurut kenyataannya, negara seluruh dunia termasuk Malaysia berhadapan dengan krisis pengeluaran makanan yang terjejas akibat daripada pemulihan Covid-19, konflik Rusia-Ukraine dan perubahan cuaca.

Justeru, impaknya adalah sekuriti makanan dalam negara semakin terancam dan hal ini menjejaskan aktiviti serta rantaian bekalan makanan bagi industri pertanian dan makanan.

“(Oleh itu), MARDI sentiasa menerapkan pendekatan-pendekatan baharu dalam penyelidikan bagi menghasilkan ino-

vasi dan teknologi untuk sektor pertanian dan industri makanan.

“Fokus penyelidikan yang dijalankan adalah untuk menangani isu-isu berkaitan bagi mengurangkan kebergantungan import dan meningkatkan keupayaan pengeluaran dalam negara bagi menjamin sekuriti agromakanan negara.

Terdahulu, pelancaran tersebut disempurnakan Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I (MAFI), Datuk Seri Ahmad Hamzah seiring dengan perasmian Hari Inovasi MARDI 2022 bertemakan ‘R&D Memperkasa Sekuriti Makanan’.



AHMAD (tengah) dan Ketua Pengarah Mardi, Datuk Dr Mohamad Zabawi Abdul Ghani (kanan) ketika majlis perasmian Hari Inovasi Mardi dan pelancaran Produk Inovasi Mardi di Serdang.

Import makanan dijangka meningkat RM70b: Ahmad

Serdang: Import makanan negara dijangka terus meningkat pada tahun ini kepada lebih RM70 bilion berbanding RM63.6 bilion pada tahun lalu berikutan kelemahan mata wang negara, permintaan tinggi pengguna dan kenaikan harga barangan di negara bergolak.

Meskipun berlaku peningkatan import makanan, kadar eksport negara juga dijangka meningkat seiring kadar import memandangkan Malaysia juga mengeksport produk makanan ke pasaran asing.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, menjadi hasrat negara untuk mengurangkan kadar import makanan dengan melaksanakan Dasar Agro Makanan Negara ke arah permodenan bidang pertanian dengan memperkenalkan kaedah-kaedah baharu.

Justeru, menerusi daya Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) menjalankan kajian dan penyelidikan serta mengkomersialkan pelbagai bidang berasaskan makanan dilihat bertepatan membantu negara mengurangkan import makanan.

"Dalam masa yang sama ia juga dapat membantu usahawan tanji untuk terus ke hadapan menerusi teknologi baharu yang sudah dihasilkan penjana Mardi.

"Banyak dalam kalangan mereka sudah berjaya bukan sahaja dalam bidang makanan, malah ubat-ubatan, makanan sihat dan membendung pelbagai masalah penyakit pokok yang dihadapi petani," katanya pada majlis Pelancaran Hari Inovasi Mardi 2022 (HIM 2022) di sini, semalam.

HIM yang diadakan setiap tahun ini adalah satu platform bagi Mardi mempersembahkan hasil kajian yang berinovatif selari dengan amanah dan tanggungjawabnya sebagai institusi penyelidikan agro makanan utama negara.

Bertemakan penyelidikan dan pembangunan (R&D) Memperkasakan Sekuriti Makanan, ia amat bertepatan dengan isu global masa kini yang dihadapi seluruh dunia termasuk Malaysia yang berhadapan krisis pengeluaran makanan terjejas akibat daripada pemuliharaan pasca-Covid-19, ditambah pula peperangan negara luar selain perubahan cuaca yang semakin meruncing.

Kerajaan sedia tangani isu sekuriti makanan

Serdang: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan menangani sekuriti makanan dengan penyelesaian efektif menerusi pemodenan dan pertanian pintar.

Timbalan Menteri, Datuk Seri Ahmad Hamzah, berkata ketika ini ada kenaikan kos makanan ternakan sehingga menjejaskan rantaian bekalan sumber makanan, terutama ayam.

Untuk mengatasi masalah itu, katanya, pertanian pintar akan mentransformasi agromakanan supaya berdaya tahan.

"Kemajuan teknologi dan perubahan pesat landskap ekonomi global menuntut negara menggunakan pendekatan lebih dinamik dan proaktif.

"Penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan

inovasi mempunyai peranan penting bagi mempercepat pembangunan sosioekonomi ke arah mencapai kualiti hidup lebih baik," katanya pada majlis pelancaran Hari Inovasi Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) 2022, di sini, semalam.

Turut hadir Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Haslina Abdul Hamid dan Ketua Pengarah MARDI, Datuk Dr Mohamad Zabawi Abdul Ghani.

Ahmad berkata, inovasi berasaskan sains dan teknologi dapat menarik minat golongan muda untuk turut sama menyumbang ke arah pemodernan sektor agromakanan bagi meningkatkan produktiviti dan menjamin sekuriti makanan negara.



Ahmad Hamzah (kiri) pada majlis pelancaran Hari Inovasi Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) 2022 di Serdang, semalam. (Foto Aziah Azmee/BH)

19/10/2022

BERITA
HARIAN

NASIONAL

14

Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi masih berfungsi

Putrajaya: Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi masih berfungsi walaupun Dewan Rakyat dibubarkan.

Pengerusinya, Tan Sri Annuar Musa, berkata ahli jawatankuasa pasukan berkenaan tidak lagi mengadakan mesyuarat secara mingguan, sebaliknya diadakan jika ada keperluan.

“Pasukan ini tidak dibubar-

kan kerana inflasi sentiasa ada dan menjadi tanggungjawab ke-pada kerajaan untuk memantau, walaupun kini hanya sebagai ‘caretaker’ (sementara),” katanya.

Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi diwujudkan pada 29 Jun lalu bagi membantu rakyat menghadapi cabaran ekoran pe-ningkatan kos sara hidup.

Jawatankuasa itu dianggotai Menteri Kewangan, Datuk Seri Tengku Zafrul Abdul Aziz; Menteri Pertanian dan Industri Ma-kanan, Datuk Seri Ronald Kian-dee; Menteri Perdagangan Da-lam Negeri dan Hal Ehwal Peng-guna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi; Menteri di Jaba-tan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed

serta Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali.

Annuar berkata, mesyuarat berkenaan selalunya akan ber-sidang setiap awal bulan bagi menentukan harga siling mi-nyak masak sawit botol berda-sarkan kadar harga minyak sa-wit mentah.

“Begitu juga dengan keberada-an bekalan makanan utama se-

perti ayam, telur dan sebagai-nya. Kementerian berkaitan se-perti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan Kementerian Per-tanian dan Industri Makanan terus memantau perkara itu.

“Kita belum adakan mesyua-rat minggu ini tapi mungkin kita perlu adakan mesyuarat minggu depan,” katanya.

Farmers warn of egg shortage

Not enough supply due to higher chicken feed prices and rainy season

PETALING JAYA: Poultry farmers have warned that the current shortage of price-controlled eggs in the market would worsen ahead of the year-end festive season.

Commenting on the phenomenon where shelves at major supermarkets and sundry shops were empty of eggs recently, industry players say the situation was unlikely to ease even next year, owing to several factors.

Federation of Livestock Farmers Associations of Malaysia deputy president Lee Yoon Yau said that the situation would not improve unless the government floated the prices of eggs that are currently regulated and leave it to market forces.

The mandated ceiling retail prices for Grade A, B, and C eggs since July are 45sen, 43sen, and 41sen, respectively. A Grade A egg will weigh anything from 65g to 69.9g, while B

and C eggs are in the range of 60g to 64.9g, and 55g to 59.9g, respectively.

The price control mechanism does not apply to branded or "designer" eggs that are often enriched by the addition of supplements such as Omega-3 fatty acids and so on, nor does it cover organically-produced or kampung eggs.

Lee said every time the ringgit slides against the US dollar, which is the currency denomination used when importing raw materials for poultry feed, costs go up for farmers.

"If the ringgit slides further against the US dollar in the near future, the imported feed raw material will become more expensive.

"This will lead to higher egg production costs, and farmers will be even more financially constrained.

"The situation will likely continue throughout next year," he told *The Star*.

On Monday, the ringgit opened at 4.7 against the US dollar, a level that is close to its historical low.

Johor-based egg producer Wong Wei Chang said the prices of maize and soybean meals – the two main ingredients for chicken feed – had gone up this month.

"Maize that costs RM1,600 per tonne last month has increased to RM1,700, causing operating costs to increase again."

Due to the higher production costs, Wong said he had to cut down his production from 160,000 eggs to 120,000 eggs per day in the past two years.

"For now, I have to cut down on egg supply to my regular customers. I also have to turn down new orders because I cannot increase production. When I turn to bigger farms for help, they are also facing a shortage," he added.

Wong said failure to safeguard the interest of farmers can have disastrous consequence for egg production, which depends on many variables, including the weather.

"A hen lays an egg a day, and there will be days when it does not. Farms are not factories.

"It's not like you can recover production in a day or increase production when you feed the hens more.

"The upcoming rainy season will also affect egg production in hens," said Wong, who hopes the new government will look into poultry farmers' issues and adopt a win-win solution so that consumers can buy eggs at reasonable prices.

Supermarket chain NSK Group is also facing problems with its supply of eggs, with its group senior advisor Datuk Lim Choon Se saying suppliers could only meet 30% of his supermarkets' demand, and

described the situation as serious.

"The eggs are not enough. We have to set purchase limits among customers, but not for hawkers," he said, adding that the eggs also sold out quickly within hours after arriving at most outlets.

Klang Coast Sundry Goods Merchants' Association president Tan Teck Hock said egg supplies among members dropped 50% since last week.

He said some consumers had to resort to buying kampung eggs, which are not price controlled.

A sundry shop owner who only wants to be known as Chaang concur, saying some of his regulars got angry when they could not buy eggs.

"I also see more new customers who come to my shop looking for eggs, including hawkers who ask for more supplies," he said.